

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Jangan lawat ladang unta elak MERS-CoV

PUTRAJAYA - Syarikat pengendali pakej umrah dan ziarah ke Mekah dan Madinah, Arab Saudi dinasihatkan tidak menganjurkan lawatan ke ladang unta bagi mengelakkan jangkitan Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah (MERS-CoV), kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (**gambar kecil**).

Beliau berkata, lawatan ke ladang haiwan itu boleh mendatangkan risiko jangkitan MERS-CoV kepada jemaah umrah kerana jangkitan respiratori yang disebabkan oleh virus korona disyaki berpunca daripada unta.

Menurutnya, perkara tersebut dibangkitkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri semalam dan pihak kementerian menasihatkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Jabatan



JEMAAH umrah ke Mekah dan Madinah dilarang melawat ladang unta untuk mengelak dijangkiti penyakit MERS-CoV.

Perdana Menteri untuk menasihatkan agensi pelancongan agar tidak menyediakan pakej lawatan ke ladang unta.

"Kementerian Kesihatan tidak boleh mengeluarkan larangan, jadi saya meminta kerjasama

dua kementerian itu agar perkara ini boleh diumumkan dan dimaklumkan kepada jemaah umrah agar tidak perlu melawat ladang unta bagi mengelakkan daripada dijangkiti MERS-CoV," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, kedua-dua kementerian itu memberikan respons positif dan akan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan jangkitan MERS-CoV dalam kalangan jemaah umrah, jemaah haji dan pelawat dapat dicegah.

Mengulas lanjut, Dr. Subramaniam berkata, seorang lelaki warga Malaysia yang disahkan dijangkiti MERS-CoV telah dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Sungai Buloh dan keadaannya dilaporkan stabil serta tidak bergejala.

Beliau berkata, sejak 30 Disember lepas, pihaknya telah menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan termasuk pengesanan kontak seramai 70 orang melibatkan anggota keluarga serumah, saudara-mara, sahabat handai dan anggota kumpulan pakej umrah disertai lelaki berusia 55 tahun itu. - Bernama